

Banjir di Johor boleh berlarutan hingga Mac

Oleh NURUL ANUAR KARI

KUALA LUMPUR 13 Jan. - Banjir kedua di Johor dijangka lebih teruk kerana keadaan tanah yang masih tepu selepas banjir pertama melanda hampir tiga minggu lalu menyebabkan ia tidak dapat lagi menyerap hujan lebat yang sedang turun di negeri itu sekarang.

Pengaruh Pusat Kajian Hal Ehwal Iklim Universiti Malaya, Profesor Dr. Khairulmaini Osman Salleh berkata, keadaan tanah tepu itu akan memaksa air hujan mengalir terus ke sungai yang akan melimpah jika jumlahnya terlalu banyak.

Beliau juga memberi amaran banjir yang melanda hanya akan surut sepenuhnya selepas tamat musim Monsun Timur Laut kali ini iaitu pada bulan Mac ini.

"Angin monsun sepatutnya reda pada hujung Februari, tapi ia mungkin akan berterusan hingga awal Mac memandangkan berlaku tiupan angin yang lebih kuat pada musim kali ini," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Dr. Khairulmaini turut menyatakan, situasi itu merupakan tindak balas berangkai kesan pemanasan global yang menyebabkan angin monsun

● Lihat muka 4

FENOMENA HUJAN LEBAT DI JOHOR



HUJAN LEBAT DAN BANJIR SEMASA PERISTIWA LURUAN MONSUN

- 1 Pada November, Disember dan Januari kawasan tekanan udara rendah dan vorteks siklon (C) wujud di kawasan berhampiran pinggir Pantai Timur Semenanjung Malaysia.
- 2 Udara bertekanan tinggi meluru dari Rusia/China apabila keadaan atmosfera sesuai.
- 3 Angin kencang di Laut China Selatan bertiup serentak dengan angin kencang dari Laut Pasifik Barat.
- 4 Awan dengan hujan lebat menyeluruh dan ombak besar berlaku khususnya di Pantai Timur Semenanjung tetapi kali ini ia banyak menghalu ke arah Johor.

KEDUA-DUA ANGIN BERTUMPU DI KAWASAN TEKanan UDARA RENDAH BERHAMPiran PANTAI TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA

- 4 Awan dengan hujan lebat menyeluruh dan ombak besar berlaku khususnya di Pantai Timur Semenanjung tetapi kali ini ia banyak menghalu ke arah Johor.

Banjir di Johor boleh berlarutan hingga Mac

yang membawa hujan bertiup lebih kencang sehingga berlakunya banjir besar.

"Masalah kita belum berakhir memandangkan tempoh Monsun Timur Laut masih ada dua bulan lagi.

"Negara juga diancam bahaya banjir lebih buruk jika monsun kali ini berlarutan lebih lama daripada kebiasaannya sehingga melangkaui Mac.

"Keadaan akan lebih bahaya jika 'keadaan luar biasa' ini berulang pada musim Monsun Timur Laut seterusnya, iaitu November depan, memandangkan kita belum sempat bersedia menghadapi satu lagi banjir besar," tegasnya.

Dr. Khairulmaini diminta mengulas kenyataan Jabatan Meteorologi semalam yang menyatakan keadaan banjir terbaru di Johor dijangka lebih buruk berikutan hujan lebat yang turun sejak dua hari lalu.

Banjir paling buruk dalam sejarah di Johor surut minggu lalu menyebabkan lebih 90,000 orang dipindahkan tetapi ia kembali melanda semalam setelah Johor menerima taburan hujan tertinggi dalam tempoh seminggu lepas.

Hujan lebat yang dibawa angin Monsun Timur Laut itu juga diramalkan berterusan sehingga Isnin ini.

Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sedang menempuh musim tiupan angin Monsun Timur Laut yang bermula dari awal November sehingga Mac.

Bagaimanapun, keadaan angin monsun tahun ini yang agak berbeza telah menyebabkan hujan lebih banyak dan kerap berlaku sehingga beberapa negeri dilanda banjir teruk.

Menurut Dr. Khairulmaini, hujan di kawasan hulu Sungai Muar dan Sungai Rompin membawa limpahan air ke Johor menyebabkan banjir lebih mudah berlaku di penempatan-penempatan yang terletak berhampiran kawasan hilir sungai.

Melimpah

"Risiko banjir menjadi lebih tinggi jika penerokaan hutan berlaku di hulu sungai-sungai tersebut memandangkan tiada pokok untuk menyerap air hujan," katanya.

Menurut beliau, air sungai lebih mudah melimpah jika laluannya dihalang sampah sarap yang dihanyutkan banjir sebelum ini.

Tambahnya, Johor yang tidak dilindungi Banjaran Titiwangsa juga akan menerima kesan penuh hujan yang dibawa angin monsun, terutama antara bulan Januari hingga awal Februari.

Dr. Khairulmaini percaya pemanasan global menjadi punca utama banjir teruk yang berlaku di Johor dan beberapa negeri lain di Malaysia.

Katanya, pemanasan global telah menyebabkan musim monsun tahun ini menjadi lebih buruk dan membawa hujan ke negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Suhu dunia yang semakin meningkat telah menyebabkan angin monsun kali ini bertiup lebih kuat daripada biasa, membawa bersamanya hujan yang lebih banyak dan lebih lama.

"Jika pemanasan global berterusan, cuaca dunia akan lebih buruk dengan fenomena angin monsun yang lebih kuat dan juga risiko berulangnya keadaan El Nino (kemarau panjang)," ujarnya.

Kata Dr. Khairulmaini, pemanasan global juga mungkin boleh menyebabkan banjir di luar musim monsun memandangkan ia berkait dengan fenomena pasang surut, yang boleh menenggelamkan kawasan-kawasan rendah berhampiran pantai dan sungai.